

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : LOKAL

# Bekalan vaksin **habis**

Ibu bapa panik sanggup bayar RMI50 untuk satu suntikan

**WABAK  
INFLUENZA**

Oleh Suraya Roslan  
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

**M**ajuriti klinik dan hospital swasta mendakwa kehabisan vaksin influenza A dan orang ramai hanya boleh mendapatkan bekalan vaksin beberapa bulan lagi. Ini dibuktikan apabila tinjauan dan usaha wartawan menghubungi klinik swasta di sekitar ibu kota mendapati jawapan hampir sama diberikan apabila mereka mendakwa kehabisan bekalan vaksin sejak kelmarin. Sebuah klinik di Sentul mendakwa mereka kehabisan bekalan selepas stok kedua tiba sebelum 'diborong' ibu bapa. "Stok habis, lepas Tahun Baharu Gina baru ada," katanya ketika dihubungi

Saya sudah tempah vaksin ini sejak Disember lalu di sebuah hospital swasta namun bekalan tetap habis menyebabkan saya panik"

Noraini Mat Jusoh

Harian Metro, semalam. Situasi sama turut berlaku di sebuah klinik di Setapak yang mendakwa pihaknya kehabisan vaksin berikutan permintaan tinggi dalam kalangan ibu bapa untuk mendapatkan stok ubat anti-virus yang digunakan untuk merawat dan mencegah influenza A. "Tiada stok, tak pasti bila sampai. Sudah lebih 50 klinik kami tanya semua kehabisan stok. "Ini 'supplier' (pembekal) tak mahu *release* (hantar bekalan). Semua hospital swasta juga tiada," katanya. Jawapan sama diterima Harian Metro sebaik

bertanyakan lebih lima klinik swasta lain di sekitar ibu kota apabila mereka mendakwa kehabisan stok.

Malah, permintaan yang tinggi untuk mendapatkan vaksin menyebabkan harga suntikan itu melambung tinggi mencecah RM150 walaupun harga biasa sekitar RM50.

Noraini Mat Jusoh, 47, pula berkata, dia terpaksa mencari lebih enam klinik dan hospital untuk mendapatkan vaksin influenza untuk bayinya, Dzal Aidi Inzaghi, 18 bulan.

"Saya sudah tempah vaksin ini sejak Disember lalu di sebuah hospital swasta namun bekalan tetap habis menyebabkan saya panik dan cuba mencari di beberapa klinik sekitar ibu kota.

"Saya terpaksa hubungi beberapa klinik swasta untuk mendapatkan vaksin berkenaan namun diberitahu kehabisan stok. "Bagaimanapun percubaan saya di sebuah hospital di Cheras berhasil dan Alhamdulillah, Aidi sudah

menerima suntikan vaksin semalam (kelmarin) dengan kos RM124," katanya.

Baru-baru ini, Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah mengesahkan permohonan permit oleh fasiliti kesihatan swasta untuk mengimport vaksin Influenza A dari negara lain meningkat sejak Disember lalu.



PELAJAR memakai topeng muka elak dijangkiti influenza.



JURURAWAT mengambil bacaan suhu badan pesakit sebagai saringan awal mengenal pasti pesakit yang mempunyai risiko dijangkiti influenza.



## Fasiliti KKM sudah sedia bekalan mencukupi

**Kuala Lumpur:** Tiada masalah untuk mendapatkan bekalan vaksin influenza dan ubat antiviral Oseltamivir di fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) walaupun permintaan vaksin meningkat empat kali ganda untuk Disember lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, bagi fasiliti KKM, Oseltamivir dibekalkan di bawah syarikat konsesi yang diarahkan untuk

menyimpan stok mencukupi.

"Tiada masalah bekalan di fasiliti KKM walaupun permintaan meningkat sejak Disember lalu.

"Memandangkan terdapat permintaan yang mendadak di fasiliti kesihatan swasta, lima pembekal sedia ada yang berdaftar tidak dapat menampung permintaan berkenaan," katanya.

Menurutnya, bagi mengatasi masalah itu, KKM memberikan kelulusan khas kepada Ketua Pengarah Kesihatan untuk


mendapatkan bekalan daripada pembekal alternatif.

"Setakat ini, KKM meluluskan hampir 1.1 juta kapsul bagi tempoh Disember lalu hingga Januari untuk memenuhi permintaan fasiliti kesihatan swasta," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, vaksin influenza diberikan sebagai langkah pencegahan untuk memberi perlindungan kepada individu yang dijangkiti virus influenza.

"Vaksin influenza hanya

ditawarkan di fasiliti KKM sebagai sebahagian daripada regimen rawatan golongan pesakit yang berisiko tinggi mendapat komplikasi jangkitan termasuk kematian dan pemberiannya adalah berdasarkan kepada penilaian klinikal daripada pakar yang merawat pesakit terabit," katanya.





AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : LOKAL

## Mangsa tidak dijangkiti influenza

### **Kuala Lumpur:**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesahkan ujian sampel klinikal Nur Dinie Damia Muhammad Noor, 7, adalah negatif bagi jangkitan influenza.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pesakit dirujuk kepada Hospital Sultanah Aminah (HSA), Johor Bahru dari sebuah hospital swasta pada 10 Januari lalu dalam keadaan sangat kritikal.

“Dia menerima bantuan pernafasan dan rawatan rapi oleh pasukan perubatan yang diketuai pakar perubatan pediatrik.

“Namun keadaan pesakit semakin tenat dan disahkan meninggal dunia pada jam 10.48 malam, 13 Januari lalu.

“Ujian sampel klinikal kanak-kanak ini adalah negatif bagi jangkitan influenza dan punca kematian masih dalam siasatan,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 30

RUANGAN : SINAR NEGERI

# 120 pelajar keracunan

Dipercayai selepas makan sarapan mi goreng di dewan asrama sekolah

## JOHOR BAHRU

**S**eramai 120 pelajar Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor (SMAKJ) Kluang mengalami keracunan makanan selepas dipercayai menikmati sarapan mi goreng di dewan asrama sekolah berkenaan pagi kelmarin.

Pengarah Kesihatan Johor, Dr Aman Rabu berkata, kesemua pelajar itu bagaimanapun, berada dalam keadaan stabil dan hanya dirawat sebagai pesakit luar di Hospital Enche' Besar

Hajjah Khalsom (HEBHK), Kluang.

"Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) melalui Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Kluang menerima satu notifikasi mengenai kejadian keracunan makanan yang melibatkan pelajar-pelajar daripada SMAKJ, pada jam 10.20 pagi semalam (kelmarin).

"Makluman awal diterima 10 pelajar daripada sekolah tersebut mendapatkan rawatan di Klinik Kesihatan Mengkibol, Kluang dan lebih kurang 60 pelajar dalam perjalanan ke HEBHK bagi pemeriksaan lebih lanjut," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Dr Aman berkata, verifikasi kejadian kemudian dilaksanakan pada jam 11 pagi kelmarin dan siasatan serta langkah kawalan



Pelajar SMAKJ Kluang melakukan pemeriksaan di HEBHK Kluang akibat keracunan makanan kelmarin.

wabak turut dilaksanakan pada hari yang sama.

Beliau berkata, siasatan lanjut oleh PKD Kluang mendapati terdapat seramai 120 orang daripada bilangan 474 orang yang terdedah mengalami gejala sakit perut, cirit-birit, loya, muntah, sakit kepala dan demam.

Katanya, makanan yang disyaki menyebabkan keracunan adalah mi goreng yang dihidang pada sarapan pagi namun siasatan lanjut masih dilakukan oleh PKD Kluang bagi mengenal pasti punca sebenar keracunan makanan berkenaan. - *Bername*



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : WABAK INFLUENZA SEMAKIN MENULAR

## Kematian bukan disebabkan influenza

**PUTRAJAYA** - Hasil ujian sampel klinikal Allahyarham Nur Dinie Damia Muhammad Noor Ain, 7, di Hospital Sultanah Aminah (HSA) malam kelmarin mendapati ia bukan berpunca daripada jangkitan influenza.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kanak-kanak itu telah dirujuk kepada HSA dari sebuah hospital swasta pada 10 Januari dalam keadaan yang sangat kritikal.

“Beliau telah menerima

bantuan pernafasan dan rawatan rapi oleh pasukan perubatan yang diketuai pakar-pakar perubatan pediatrik.

“Namun keadaan pesakit semakin tenat dan dia telah disahkan meninggal dunia pada 13 Januari 2020 jam 10.48 malam.

“Ujian sampel klinikal kanak-kanak itu adalah negatif bagi jangkitan influenza. Punca kematiannya masih dalam siasatan,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 9

RUANGAN :

## Kecewa stok vaksin di Pahang habis

**KUANTAN** - Dakwaan bekalan vaksin telah habis di klinik swasta di negeri ini mencetuskan rasa panik dalam kalangan ibu bapa.

Ibu bapa yang diwawancara *Sinar Harian* semalam mengakui kesal kerana gagal mendapatkan suntikan vaksin selepas bekalan di klinik telah habis.

Tinjauan di empat klinik swasta mendapati vaksin influenza telah habis sejak Ahad lalu selain tidak menjanjikan stok baharu dan harganya pula mencecah RM75 dan RM80 untuk satu dos.

Kakitangan kerajaan, Aishah Panut, 36, berkata, selain pergi ke beberapa klinik, dia turut menelefon klinik lain untuk mendapatkan vaksin empat anaknya namun hampa. "Saya menasihatkan anak-



AISHAH



SYAHAR

anak supaya tidak menyentuh sembarang dan selalu menggunakan bahan pencuci tangan," katanya.

Kakitangan swasta, Syahar Junaidi, 29, berkata, dia juga gagal mendapatkan suntikan vaksin untuk anaknya kerana kehabisan stok.

"Kami bimbang kerana dua sepupu saya yang tinggal di Kuala Lumpur dijangkiti H1N1," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Pahang, Datuk Dr Bahari Awang Ngah berkata, sebanyak 180 dos vaksin influenza disediakan di tiga hospital.

Bagaimanapun, katanya jumlah itu hanya untuk golongan berisiko dan disediakan secara percuma.



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 9

RUANGAN :

## 'Cuti kuarantin influenza A, saya perlu fikir dulu'

**KUALA LUMPUR** - Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad memberi respons ringkas berhubung cadangan untuk memasukkan influenza A dalam senarai jenis penyakit berjangkit dan diberikan kemudahan cuti kuarantin.

"Saya perlu fikir dulu," katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan Forum Integriti Bank Rakyat 2020 di sini semalam.

Terdahulu, cadangan tersebut dikemukakan oleh Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Semenanjung Malaysia (NUTP) melalui Setiausaha Agungnya, Harry Tan Huat Hock yang mengeluarkan kenyataan berhubung syor itu.

Ia berdasarkan situasi terkini penularan influenza A dalam negara yang dilihat membimbangkan, justeru cuti kuarantin perlu diberikan khususnya kepada guru dan pelajar yang dijangkiti virus terbabit.

Cadangan itu merujuk kepada Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2016 mengenai kemudahan cuti kuarantin, enam penyakit berjangkit

sedia ada ialah penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD), demam denggi dan demam denggi berdarah, campak, cacar air, difteria dan malaria.

Kes virus influenza dilaporkan meningkat dan dikesan berlaku di beberapa negeri seperti Pahang, Terengganu, Pulau Pinang, Selangor dan Johor.

Turut dilaporkan berlaku kes kematian yang dipercayai ialah akibat jangkitan virus sama.

Kelmarin, kerajaan meluluskan bekalan alternatif sebanyak satu juta tablet vaksin influenza A kepada klinik swasta.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, jumlah tablet vaksin itu boleh memberi manfaat kepada 100,000 pesakit.





AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : STORY OF THE DAY/NEWS

SINCE DECEMBER

# 'RISE IN INFLUENZA CASES'

Situation is under control, no mutations to influenza virus, says Health D-G

HANA NAZ HARUN  
AND MOHAMED BASYIR  
KUALA LUMPUR  
news@nst.com.my

**T**HERE has been an increase in cases of influenza like-illness (ILI) and severe acute respiratory infections (SARI) since last month.

The Health Ministry said the increase had been recorded in Kedah, Negeri Sembilan, Melaka, Kuala Lumpur, Putrajaya, Selangor, Perak, Johor, Pahang, Penang, Terengganu and Sarawak.

Health director-general Datuk Noor Hisham Abdullah said analysis of influenza activity, ILI consultations and admission of patients displaying symptoms, showed a rise in cases since last month.

At a laboratory in Kuala Lumpur, he said the rise in cases was not due to mutations of the virus, but rather due to the high and public awareness of the disease.

Dr Noor Hisham, however, said none of the deaths had been proven to be related to influenza.

He confirmed that the death of Nur Dinie Damia Muhammad Noor Ain, 7, from Johor Baru, was not due to Influenza A.

"There has been no differences of mutations to the influenza virus.

"The influenza activity is the same as those reported by the World Health Organisation in other tropical countries in South-east Asia, South Asia, Central America and South America," he said yesterday.

Concerns over influenza and Influenza A (H1N1) have gripped the nation following a rise in the number of cases, which affected mostly children.

Reports on the deaths of several children in Selangor, Johor and Pahang have gone viral, with various quarters on social media attributing the deaths to influenza.

Dr Noor Hisham, however, said none of the deaths had been proven to be related to influenza.

He confirmed that the death of Nur Dinie Damia Muhammad Noor Ain, 7, from Johor Baru, was not due to Influenza A.

He said Nur Dinie had received



SMS Teluk Intan in Perak has been ordered to close until Sunday as 10 students have contracted Influenza A. FILE PIC

respiratory and intensive care from a team of leading paediatric specialists at Sultanah Aminah Hospital in Johor Baru.

"However, her condition deteriorated and she was pronounced dead on Jan 13 at 10.48pm.

"Her clinical samples came back negative for influenza. The cause of death is under investigation."

Dinie, who was suspected to be infected with influenza, suffered kidney and liver failure.

She came down with a fever on Jan 5 before she was referred to the hospital last Friday.

Dr Noor Hisham said the death of Faizfauzan Afif Pazuul Kamil, 12, in Petaling Jaya, Selangor, on Jan 12 was being investigated.

"Based on preliminary reports, the patient was taken to a private hospital in Selangor on Jan 11 and was in critical condition. The patient died the next day.

"An investigation is being conducted to establish the cause of

death," he said, adding that the ministry extended its condolences to the families of both children.

Faizfauzan's parents had said they were told by doctors that their son had Influenza A.

They claimed that their housekeeper had contracted Influenza A and was being treated at University Malaya Medical Centre.

Dr Noor Hisham reminded people to practise good personal hygiene by washing their hands regularly with soap and water or hand sanitizer, practise good cough manners and lead a healthy way of life.

In George Town, the number of students infected with influenza in the state increased, with 142 students from 70 schools reportedly infected up to yesterday.

This marked an increase from 39 cases on Monday.

State Education Department director Abdul Rashid Abdul Samad said of the total, the Seberang Prai Utara district recorded the highest number of cases, with 47 students from 16 schools.

In Ipoh, Perak Education Department director Dr Suhaimi Mohamed Ali said another 29 stu-

dents in the state tested positive for Influenza A.

He said the students were from seven schools in Larut Matang and Selama, eight in Kinta district and two in Bagan Datuk.

He said only SMS Teluk Intan had been ordered to close until Sunday as 10 students were reported to have contracted influenza A.

In Seremban, 106 cases of ILI infections were recorded up to yesterday.

State Health, Environment, Cooperatives and Consumerism Committee chairman S. Veerapan said the number marked an increase of 55 cases compared with the same period last year.

He said the situation in the state was under control, with no deaths reported and no schools ordered to close. **Additional reporting by Zahratulhayat Mat Arif and Nur Aqidah Azizi**

Page 1 pic: Nur Dania Danisha Muhammad Noor Ain being consoled at her sister's funeral at the Parit Haji Sirat Darat Muslim Cemetery in Pontian, Johor, yesterday.



Datuk Dr Noor Hisham Abdullah



AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 1

RUANGAN :

# Misleading flu info

➤ Check the facts about outbreak first, says doctor

■ BY ALISHA NUR MOHD NOOR  
[newsdesk@thesundaily.com](mailto:newsdesk@thesundaily.com)

**P**ETALING JAYA: Don't jump to conclusions based on incomplete information - that's the warning from a doctor on the outbreak of Influenza A.

Senior consultant paediatrician Datuk Dr Amar Singh said people should verify information about the disease before disseminating it to others.

" ( S u c h

incomplete or inaccurate information) is creating panic among the people and that is not good," he told *theSun* yesterday.

"There is no need to be terrified about this."

According to several doctors, there has been an influx of people crowding local clinics and hospitals seeking vaccination for the infectious disease.

A doctor in Cheras, Dr Wan Nur Sabrina Wan Manshol, said many people had visited her clinic over the

Turn to  
page 2



AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

## Many assumed the worst without fact-checking: Doc

From  
front  
page

past two days to have themselves screened.

It is understood that many had reacted to a WhatsApp image containing "misguided" information that had been circulating on social media. Among others, the post stated that a seven-year-old, Nur Dinie Muhammad Noor Ain, had died of Influenza A.

However, it was later confirmed that the girl had died of kidney and liver failure at the Sultanah Aminah Hospital at 10.46pm on Monday.

Amar said ever since the outbreak began, many people had quickly jumped to conclusions without any proper research, nor reading the facts fully.

"It is getting out of hand," he said.

"We do not have the maturity to read first. We just look at the news headlines, a couple of pictures, a bit of WhatsApp threads and we believe the claims," he said.

He advised people to wise up and avoid

swallowing all the "news" trending on social media. Instead, he said they should seek verification from credible sources.

On measures to protect oneself from infection, he said good personal hygiene was better than a quick fix.

"Malaysians have very low hygiene awareness. In Japan, the moment someone falls sick, he quickly puts on a face mask. On the other hand, we do not even bother to cough into our sleeves or handkerchiefs," he said.

"We are still primitive. We look for drugs and vaccines rather than make an effort to prevent an infectious disease from spreading in our community," he added.

Amar said there was a need to push for greater awareness about the need to wear face masks and to improve personal hygiene to reduce the number of influenza cases.

He also advised those in the high risk group, such as people with heart or lung disease, to get vaccinated.

"We recommend that children as well as

adults who are fragile health-wise, to take a jab every year to reduce the risk of infection," Amar said.

Wan Nur Sabrina said there were times when patients came more than once just to be sure they had not been infected.

"Many who come to our clinic are terrified of getting the disease, but there is really no need for panic."

She said doctors would screen patients and only offer vaccinations where necessary.

"People should keep calm, but be alert to any change in their well-being, especially that of children, the elderly and pregnant women."

She said those who had been infected should stay indoors until they recover.

As of Monday, a total of 373 students from 151 schools across several states - Selangor, Penang, Perak and Pahang - have reportedly been diagnosed with the infection.

Meanwhile, Prime Minister Tun Dr Mahathir Mohamad said he would consider putting Influenza A on the list of six infectious diseases that would require quarantine leave.